



18 MAR, 2023

TNB sedia halang THT rangkul gelaran treble

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

TNB sedia halang THT rangkul gelaran treble



PARA pemain TNB meraikan kejayaan selepas mencipta kebangkitan dramatik untuk menewaskan Maybank 3-0 menerusi penalti shoot-out selepas terikat 3-3 kelmarin.

TENAGA Nasional Berhad (TNB) bertekad untuk meranapkan impian Pasukan Hoki Terengganu (THT) menjulang gelaran treble musim ini menjelang aksi final Piala TNB di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil malam esok.

Motivasi para pemain TNB berada pada tahap memuncak selepas mencipta kebangkitan dramatik dalam tempoh tiga minit terakhir untuk menewaskan Maybank 3-0 menerusi penalti shoot-out selepas terikat 3-3 kelmarin.

Juara bertahan Piala TNB itu ketinggalan 0-3 sebelum bangkit meledak tiga gol ketika aksi cuma berbaki tiga minit lagi un-

tuk mengikat kedudukan 3-3 bagi mengheret perlawanan ke penentuan penalti shoot-out.

Muhammad Amirul Hanif Mamat yang meledak dua gol terakhir TNB kelmarin, melaungkan keyakinan mereka mampu membawa momentum itu ke pentas final bagi mempertahankan trofi dimenangi musim lalu.

"Kami tidak mahu THT memenangi treble musim ini, jadi kami berhajat untuk sekat kejayaan mereka. Kami akan lakukan yang terbaik dan perbaiki segala kelemahan dalam perlawanan ini.

"Semua pemain termasuk jurulatih percaya kami boleh

kekalkan momentum ini untuk memastikan kemenangan kami di pentas final nanti," katanya selepas tamat aksi separuh akhir kelmarin.

Bagaimanapun, ia bukan tugas mudah kerana THT juga dilihat berada pada tahap terbaik mereka susulan kemenangan 3-1 ke atas UITM HA-KPT untuk mara ke final dengan keputusan agregat 8-2.

Sementara itu, juara berganda kategori wanita musim ini, Negeri Sembilan akan berentap dengan seteru utama mereka, KPT-Uniten Thunder merembut kejuaraan Piala Vivian May Soars malam ini.